

Banjir landa Perlis, Perai

um/17/14/07/14/1/A/Perlis Accid

● ARAU 16 April - Hujan lebat yang berterusan selama tiga jam dari pukul 4 pagi ini menyebabkan beberapa kawasan di sekitar bandar Arau dan Ulu Pauh, dekat sini dilanda banjir kilat.

Dalam kejadian itu, kira-kira 50 buah rumah di lima buah kampung di Ulu Pauh iaitu Kampung Padang Telela, Kampung Kubang Siput, Kampung Kubang Paya, Kampung Katong dan Kampung Alor Setar dinaiki air setinggi setengah meter.

Banjir kilat tersebut turut menjejaskan sesi persekolahan di tiga buah sekolah di bandar Arau sehingga memaksa 1,500 orang pelajarinya diarahkan bercuti bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

Tiga buah sekolah tersebut adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Arau, Sekolah Kebangsaan Arau dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Hwa Aik.

Pegawai Penjaga Balai Bomba dan Penyelamat Arau, Che Din Abd. Razak ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam bencana alam itu.

"Setakat ini, tiada keluarga yang dipindahkan. Ia adalah banjir kilat dan air dilihat surut sekitar pukul 10.30 pagi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran negeri, Azemi Salim berkata, pihaknya telah membenarkan tiga buah sekolah berkenaan untuk mengarahkan para pelajarinya bercuti.

"Hanya SRJKC Hwa Aik sahaja dibenarkan bercuti sehingga esok



PENDUDUK memungghah perabot selepas rumah mereka dinaiki air banjir di Kampung Katong, Arau, semalam.

manakala dua buah sekolah lagi akan bersekolah seperti biasa," tambahannya.

Dalam pada itu, banjir yang melanda sekitar kawasan Ulu Pauh turut mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Pauh, Datuk Abu Bakar Ismail.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri meluahkan masa selama sejam melawat kawasan yang terjejas teruk dilanda banjir kilat itu.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*,

Abu Bakar kemudiannya meminta pihak JPS supaya mengkaji semula sistem pengairan di sekitar kawasan Ulu Pauh.

"Kejadian banjir kilat ini sudah banyak kali berlaku. Kita akan mengadakan mesyuarat bersama JPS dan pihak bertanggungjawab dalam masa terdekat ini bagi menyelesaikan masalah banjir kilat ini.

"Kerajaan negeri juga akan menjalankan bancian dan bantuan akan disalurkan kepada mangsa banjir tersebut," katanya.